



400 pelajar UMP bersih tanah perkuburan

KUANTAN 9 Okt. – Seramai 400 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan terlibat dalam aktiviti gotong-royong membersihkan tiga kawasan tanah perkuburan Islam di sini Sabtu ini.

Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Nadzariah Mohamed berkata, tiga kawasan tanah perkuburan itu ialah Tanah Perkuburan Islam Batu 8, Tanah Perkuburan Islam Pandan 2 dan Tanah Perkuburan Islam Jaya Gading.

Menurut beliau, gotong-royong yang bermula pukul 7 pagi itu merupakan sebahagian daripada Program Khidmat Komuniti Rakan Siswa universiti berkenaan.

“Pelajar tahun satu universiti itu akan dibantu oleh pihak jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK) terbabit sepanjang program gotong-royong itu,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Nadzariah memberitahu, antara objektif utama program itu adalah untuk memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar melakukan kerja-kerja kemasyarakatan selain sambil mendekatkan diri dengan penduduk setempat.